

6 JAN 1996

Rahim-Pemuda

MESYUARAT PEMUDA UMNO HADAPI KESUKARAN TERIMA RAHIM SEMULA

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Mesyuarat bulanan Exco Pergerakan Pemuda UMNO di sini Isnin ini akan menghadapi kesukaran mencapai kata sepakat dalam menangani isu penyerahan semula jawatan ketua kepada bekas pemimpinnya, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Ini berdasarkan percanggahan pendapat di kalangan anggota Exco pergerakan itu di peringkat negeri terhadap pengumuman pemangku ketua pergerakan, Datuk Nazri Abdul Aziz bulan lepas yang mahu menyerahkan semula jawatan itu kepada Abdul Rahim.

Walaupun anggota Exco pergerakan itu akan "bertegang leher" untuk mencari penyelesaian, namun mereka dijangka menolak kepimpinan semula Abdul Rahim semata-mata atas dasar ingin mempertahankan perlembagaan parti dan mengekalkan integriti parti di kaca mata rakyat.

Pergerakan Pemuda UMNO di empat negeri iaitu Melaka, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah secara lantang menolak Abdul Rahim atas dasar ia bercanggah dengan perlembagaan UMNO sementara pergerakan pemuda UMNO negeri lain menyerahkannya kepada Majlis Tertinggi parti.

Beberapa anggota Exco pergerakan itu yang dihubungi membayangkan kemungkinan pergerakan itu secara total enggan menerima semula Abdul Rahim memandangkan dia (Abdul Rahim) telah meletak jawatan semasa kontroversinya yang dikaitkan dengan gadis bawah umur memuncak pada akhir tahun 1993.

"Perletakan jawatan oleh Abdul Rahim secara langsung menjadikan resolusi Pergerakan Pemuda UMNO yang dibuat pada 1993 memintanya berundur sementara sehingga kontroversi yang dihadapinya selesai, tidak boleh dipakai lagi kerana beliau telah meletakkan jawatan.

"Resolusi itu tidak berbangkit lagi kerana Abdul Rahim telah letak jawatan," kata seorang ketua pergerakan UMNO negeri yang enggan namanya disiarkan.

"Kita bukan menolak Abdul Rahim tetapi kita pentingkan perlembagaan. Jika kita tidak patuh kepada perlembagaan sudah pasti orang tidak akan menghormati UMNO, satu-satunya parti politik yang mewakili dan memperjuangkan kepentingan orang Melayu," katanya.

Isu itu menjadi hangat berikutan pengumuman Nazri bulan lepas yang mahu menyerahkan semula jawatan itu kepada Abdul Rahim kerana beliau (Abdul Rahim) sudah bebas daripada dakwaan mempunyai hubungan dengan gadis bawah umur serta dakwaan dua tuduhan rasuah.

Nazri memberi alasan dia membuat pengumuman itu atas dasar prinsip dan ia sebagai mematuhi resolusi berkenaan yang dibuat secara kata sepakat dengan anggota Exco Pergerakan pemuda itu.

Seorang anggota Exco Pergerakan itu berkata pergerakan pemuda UMNO akan mengemukakan keputusannya itu kepada Majlis Tertinggi UMNO serta meminta MT supaya akur kepada kehendak pergerakan itu.

Ia selaras dengan kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 15 Dis lepas bahawa MT akan menerima sebarang keputusan yang diambil oleh mesyuarat Exco pergerakan berhubung isu itu.

Sementara itu, seorang pemerhati politik berpendapat walaupun dalam perlembagaan tidak disebut ketua pergerakan Pemuda yang telah meletak jawatan boleh kembali memegang jawatan itu, namun perkara itu boleh diputuskan oleh MT.

Daripada sudut perlembagaan parti, ada pendapat mengatakan ia tidak bertentangan kerana fasal akhir pada Fasal 31 jelas menyatakan "jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Perlembagaan ini atau

Peraturan Persidangan Perhimpunan Agung UMNO yang dibuat di bawah kuatkuasanya maka tafsiran yang diberikan oleh Majlis Tertinggi adalah muktamad.

Kemelut yang dihadapi pergerakan pemuda UMNO berhubung isu itu juga dijangka "berjangkit" dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 15 Jan ini.

Seorang Ketua Pergerakan Pemuda UMNO berkata sekiranya MT tetap mahu menerima Abdul Rahim sebagai ketua pergerakan itu yang selama ini dianggap sayap kanan UMNO, maka "akan patahlah sayap itu nanti".

"Pemuda UMNO perlukan pemimpin yang boleh terus padukan pergerakan itu untuk menjadi sebuah organisasi yang dapat turut menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Pemerhati politik itu juga berpendapat keputusan yang akan dicapai dalam mesyuarat Pergerakan Pemuda UMNO nanti akan menjadi pengukur kepada kematangannya dalam menangani masalah itu serta apa juga masalah di masa depan.

Pada masa yang sama ia juga menguji perpaduan anggota Exco serta kredibiliti Nazri sebagai pemimpin pergerakan itu dan keupayaannya memegang jawatan lebih penting di masa depan. -- BERNAMA